

Kelebihan Bersilaturahmi

Ibn Abbas R.Anhuma berkata bahwa Rasulullah SAW bersabda:

مَكْتُوبٌ فِي التَّوْرَةِ: مَنْ سَرَّهُ أَنْ تَطُولَ حَيَاتُهُ، وَيَزِدَّادَ فِي رِزْقِهِ، فَلْيَصِلْ رَحِمَهُ.

Maksudnya: "Tertera di dalam kitab Taurat: Siapa yang suka usianya panjang dan rezekinya bertambah, maka hendaklah menyambung silaturahmi."

Riwayat al-Hakim dalam *al-Mustadrak* (4/160) dan pada sanadnya daif

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Silaturahmi adalah satu perkara yang amat dituntut untuk dihubungkannya. Tanpanya sudah pasti institusi kekeluargaan akan menjadi pincang dan runtuh seterusnya mengakibatkan tergunanya keharmonian.
2. Allah SWT memerintahkan kita supaya memperhubungkan silaturahmi kepada kaum keluarga yang dekat dan yang jauh. Di dalam al-Quran terdapat banyak ayat-ayat yang memperkatakan persoalannya, juga di dalam hadis-hadis Nabi SAW terutama sekali hadis-hadis Qudsinya yang sangat memberikan perhatian terhadap persoalan ini, yang mana kaum muslimin sewajarnya mengambil berat terhadapnya, terutama sekali dalam zaman moden ini, masing-masing dengan dirinya sendiri, sehingga ramai daripada kalangan anak buah tidak kenal dengan kalangan anak buah yang lain. Bagaimana keturunan kaum yang seumpama ini akan menjaga pertalian kerabatnya di masa akan datang nanti?

3. Saidina Ali Zainal Abidin bin al-Husin R.Anhuma berkata bahawa dia telah mengatakan kepada puteranya: *Hai anakku janganlah engkau bersahabat dengan orang yang suka memutuskan hubungan silaturahmi, kerana sesungguhnya aku telah mendapatinya menjadi terkutuk pada tiga tempat di dalam kitab Allah SWT. Suatu riwayat daripada Abu Hurairah RA bahawa pernah seketika sedang dia duduk membicarakan tentang pengajaran Rasulullah SAW, tiba-tiba dia berkata: Aku akan menyempitkan siapa yang suka memutuskan hubungan silaturahmi, kecuali orang tersebut harus pergi dari sini! Maka dalam hal tersebut, tiada siapapun yang keluar pergi, melainkan seorang pemuda yang duduk di tempat yang terpinggir sekali dari kumpulan yang hadir dalam majlisnya. Pemuda itu lalu mendapatkan makciknya, kerana dia telah meninggalkan makciknya tadi beberapa tahun lamanya, dan dia pun membuat perdamaian dengannya. Lalu makciknya bertanya: Apa yang menyebabkan kamu bertukar sikap wahai anak saudaraku? Pemuda itupun menjawab: Sebenarnya aku pergi duduk di majlis Abu Hurairah RA merupakan salah seorang sahabat Nabi SAW, lalu dia berkata: Aku akan menyempitkan terhadap siapa sahaja yang memutuskan hubungan silaturahmi, memutuskan hubungan dengan ahli keluarganya, kecuali jika dia bangun dari majlisku ini. Sebab itulah aku bangun dan aku mengambil keputusan untuk datang menemuimu. Maka berkatalah makciknya kepadanya: Sekarang kamu bangun dan pergilah kepada Abu Hurairah itu serta tanyakan kepadanya, mengapa begitu? Maka pemuda itu segera kembali kepada Abu Hurairah dan memberitahu cerita yang berlaku antaranya dengan makciknya tadi, seraya bertanya kepada Abu Hurairah mengapa orang memutuskan silaturahmi itu tidak boleh duduk bersama-samanya? Maka berkatalah Abu Hurairah RA bahawasanya dia pernah mendengar Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: Sesungguhnya rahmat Allah SWT tidak turun ke atas sesuatu kaum yang ada padanya orang yang memutuskan hubungan silaturahmi.*

Riwayat al-Asbahani

Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Bacalah secara berulang-ulang **لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ** kerana bacaan ini akan membuat hati menjadi tenteram, memperbaiki keadaan, membuat yang berat menjadi ringan dan membuat yang Maha Kuasa menjadi reda.
- ❖ **Ja'far al-Sadiq RA** berkata kepada anaknya: Jangan kamu bersama dengan tiga golongan manusia ini, kerana Allah murka terhadap mereka ini, mereka ini adalah:
 - ❖ Jangan kamu bergaul dengan orang yang bermaksiat kepada Allah, kerana dia telah memutuskan tali antara dia dengan Allah.
 - ❖ Jangan kamu bergaul dengan orang yang derhaka kepada ibu bapanya, kerana dia orang yang terlaknat.
 - ❖ Dan jangan kamu bergaul dengan pendusta, kerana dia akan mendekatkan yang jauh bagimu dan menjauhkan yang dekat daripadamu.

Kisah Teladan

Tufail bin Amr al-Dausi, dia berasal dari kabilah Daus. Semua orang telah mendengar khabar tentang Muhammad SAW, kalimah tauhid (*Tiada Tuhan yang patut disembah melainkan Allah*) telah tersebar di Jazirah Arab, malahan setelah 25 tahun, kalimah tersebut telah pergi melewati Jazirah Arab sehingga ke Siberia, Bakin dan hingga ke seluruh pelusuk dunia, di bawah sinar matahari dan juga cahaya bulan. Tufail berkata: *Aku telah mendengar berita Muhammad, waktu itu aku berada di kawasan Daus di kampung Zahran di gunung al-Sarawat. Tufail adalah pemimpin kabilah Daus. Aku berkata pada diri aku sendiri: Aku adalah seorang lelaki yang mulia, pandai bersyair dan juga ahli berpidato. Orang ramai telah membincangkan tentang Muhammad, bahawa dia adalah seorang tukang sihir, bomoh dan juga ahli bersyair, kenapa aku tidak mendengar dan bertemu sendiri dengan Baginda? Kenapa aku tidak pergi dan menemui seorang imam yang agung ini? Jika dia benar maka aku akan mengetahuinya dan jika dia tidak*

benar, maka aku pun akan mengetahuinya.

Aku berkata: *Setelah itu, aku menunggang untaku dan aku berangkat hingga ke Mekah. Dan aku berhenti, di kawasan Uqbah al-Huda. Aku bertemu dengan Abu Lahab dan katanya: Ke mana kamu hendak pergi? Aku menjawab: Aku hendak pergi bertemu orang al-Sabi'. Al-Sabi' adalah orang yang meninggalkan agama nenek moyangnya dan berpindah ke agama yang lain.*

Abu Lahab berkata: *Janganlah kamu pergi bertemu dengan dia, sesungguhnya dia adalah lelaki daripada kalangan kami yang telah terkena sihir dan sudah gila, dia adalah anak saudara aku. Aku menjawab: Aku tidak akan berpatah balik hingga kamu menolak aku. Ketika aku berangkat ke sana, aku berkata: Tidak mungkin aku kembali, aku datang dari kawasan gunung Daus, aku telah menempuh jalan yang sangat jauh dan penuh kepayahan kemudian lelaki ini (Abu Lahab) menemuiku untuk mencegahku, malah aku mendengar cerita daripadanya sahaja.*

Namun Allah SWT ingin memberikan petunjuk dan melapangkan hati orang tersebut dengan memeluk agama Islam. Hal ini seperti yang berlaku pada Bilal bin Rabah, di mana beliau berasal dari kawasan Habsyah dan datang untuk memperolehi syurga. Manakala Abu Lahab al-Hasyimi dari golongan Quraisy, tetap dalam kekufurannya hingga beliau masuk neraka.

Janganlah kamu berprasangka bahawa masuk syurga itu dapat diperolehi dengan kad atau dengan perantaraan, sesungguhnya Allah SWT akan memasukkan seorang yang telah uzur ke syurga meskipun dia berasal dari negara Nigeria. Dia juga dapat menyeksa seseorang yang memiliki nasab yang mulia, namun tidak pernah solat di masjid, selalu menyebut dan memuji bapa dan datuknya sahaja.

Tiada sesuatu yang sama di sisi Tuhan Yang Maha Esa, syurga tidak dapat diperolehi dengan perhitungan, namun ia dapat diperolehi dengan rasa cinta pada Tuhan Yang Maha Esa. Tufail berkata: *"Demi Allah, aku akan kembali dengan unta dan bekalanku, tetapi aku akan tetap berada di sini hingga waktu pagi datang dan aku akan masuk ke Tanah Haram."* Lalu, Tufail menambat untanya dan terus berjalan. Setelah waktu pagi menjelang, dia berangkat ke Tanah Haram. Kamu tidak memerlukan seseorang untuk tidak memerlukan seseorang untuk menunjukkan kamu pada Nabi Muhammad SAW, adakah kamu akan bertanya tentang kedudukan bulan yang berada di antara beberapa bintang? Atau kamu akan bertanya kedudukan matahari pada waktu tengahari?

Ketika kamu melihat Baginda SAW di Tanah Haram, maka kamu akan yakin bahawa dia adalah Nabi Muhammad, kenapa? Ini kerana muka Baginda tidak tersirat kebohongan dan kedustaan, dia dapat melihat pada wajah Baginda sikap keagungan, terpancar cahaya hidayah dan juga cahaya keimanan. Jika sikap keagungan dan cahaya hidayah serta ketampanan paras rupa tidak terdapat pada wajah Nabi Muhammad SAW, maka di mana terdapat sifat-sifat tersebut?

Tufail berkata: *“Lalu aku pergi menemuinya, dan aku berkata kepadanya: Selamat pagi, wahai saudara dari bangsa Arab.”* Ini merupakan permulaan ucapan selamat yang disampaikan, dan ia merupakan ucapan yang sering digunakan dalam masa jahiliah. Manakala di dalam Islam, kita memiliki ucapan selamat yang tersendiri iaitu: *“Assalamualaikum warahmatullahi wa barakatuh.”* Nabi SAW bersabda: *“Sesungguhnya Allah SWT telah menggantikan ucapan selamat pada kita dengan ucapan selamat yang lebih baik daripada kamu ucapkan. Saya bertanya: Apa dia?”*

“Baginda SAW menjawab: Assalamualaikum wa rahmatullahi wa barakatuh. Lalu saya mengucapkan salam tersebut dan Baginda menjawabnya.”

Tufail berkata: *“Demi Allah pada waktu itu Abu Lahab dan orang-orang kafir Quraisy masih lagi menakut-nakutkan aku dan memperingatkan diriku hingga aku menutup telinga dengan kapas.”*

Aku berkata pada diriku: *“Kenapa aku tidak mencabut kapas yang berada di telinga, padahal aku seorang yang dapat memahami perkataan Arab, aku seorang ahli syair, aku seorang ahli berpidato dan aku seorang yang pandai berbahasa Arab? Jika apa yang dikatakan oleh Baginda SAW itu benar, maka aku akan mengikutinya.”*

Setelah itu, dia mencabut kapas yang berada di telinganya, dan ini merupakan permulaan kejadian pada diri Tufail hingga cahaya hidayah masuk di dalam hatinya. Tufail berkata: *“Bacakan sebahagian kecil daripada al-Quran kepadaku, hingga al-Quran tersebut membekas pada hatiku.”*

Aku bertanya: *“Dengan apa kamu diutus?”* Baginda menjawab: *“Aku diutus dengan membawa kalimah tauhid (tiada tuhan yang patut disembah melainkan Allah SWT dan sesungguhnya aku adalah utusan Allah). Selain itu, aku diutus hanya untuk menyembah Allah sahaja, tiada sekutu baginya.”* Lalu Baginda SAW menjelaskan tentang sifat benar dan dapat dipercayai. Aku berkata: *“Wahai Rasulullah, berikanlah keizinan kepadaku untuk pergi kepada kaumku.”* Baginda

berkata: “*Pergilah kepada mereka.*” Maka Tufail berangkat pergi menuju kaumnya dan mengajak mereka untuk memeluk agama Allah, namun mereka ingkar dan menolaknya kerana agama ini merupakan agama yang baru diketahui oleh mereka semua. Aku mengumpulkan semua kabilah, sebahagian mereka berkumpul dalam kegelapan dan kesesatan.

Tufail berkata: “*Wahai hamba Allah, aku datang dengan membawa ajaran Nabi Muhammad, katakanlah bahawa tiada Tuhan yang patut disembah melainkan Allah, maka kamu sekalian akan mendapat kebahagiaan.*” Mereka menjawab: “*Kamu telah mengubah agama bapa dan datuk kamu, wahai Tufail, selama-lamanya kami tidak akan mengubahnya.*” Dia kembali kepada Rasulullah SAW dengan rasa marah dan berkata: “*Wahai Rasulullah berdoalah kepada Allah untuk kabilah Daus, mereka menginginkan terjadinya seksaan yang diturunkan daripada langit, mereka semua menolak dan menghinaku padahal aku adalah pemimpin dan ketua mereka.*”

Lalu Baginda pun berwuduk, dan Tufail berkata dalam hatinya: “*Hancurlah kalian, wahai kabilah Daus, hari ini akan datang petir yang menyambar dari langit.*” Tufail berkata: “*Baginda berdoa dengan menghadap kiblat, Baginda SAW adalah orang yang memiliki rasa belas kasihan dan yang memberikan petunjuk, Baginda adalah orang yang sangat lemah-lembut dan orang yang pemaaf pada setiap orang. Baginda mengangkat kedua tangannya dengan berdoa: Ya Allah berilah petunjuk pada kabilah Daus, dan datangkanlah petunjuk kepada mereka. Ya Allah, berilah petunjuk pada kabilah Daus, Ya Allah berilah petunjuk kepada kabilah Daus.*”

Setelah itu, Baginda berkata kepada Tufail: “*Pergilah kepada mereka dan ajaklah mereka sekarang. Sekarang hati mereka telah berubah, telah datang petunjuk dari langit pada mereka.*” Aku berkata: “*Wahai Rasulullah, jadikanlah petanda pada diriku bahawa aku berasal dari sisi kamu hingga mereka membenarkan apa yang aku bawakan.*” Maka Baginda berdoa untuk Tufail hingga Allah SWT menjadikan pelipisnya memancarkan cahaya, kemudian dia berjalan pada waktu malam dari kota Makkah dan cahaya tersebut dapat menyinari gunung-gunung di sekitarnya. Namun dia kembali pada Rasulullah SAW, dan berkata: “*Wahai Rasulullah, berdoalah kepada Allah supaya cahaya tersebut berada di tongkatku.*” Lalu Baginda berdoa untuknya dengan berkata: “*Ya Allah, jadikan cahaya pada tongkat Tufail.*” Dia berangkat menuju kaumnya, dan dia mengangkat tongkat itu pada waktu malam hingga ia dapat menyinari gunung-gunung di sekitarnya. Ketika dia turun di lembah, maka tongkat tersebut dapat menyinari sekeliling lembah. Tufail

berkata: *“Kemudian aku datang ke kabilah Daus dan mengumpulkan mereka dan menyeru kepada mereka: Di antara darahku dan darah kalian adalah haram untuk saling membunuh, pertelingkahan di antara kita juga haram hukumnya.”*

Ini adalah pemisah yang membezakan antara orang-orang ingkar ketika duduk dalam sebuah keluarga yang tidak melakukan solat, tidak berpuasa, tidak membayar zakat dan selalu menentang Tuhan Yang Maha Esa. Iaitu ketika hidup bersama manusia yang selalu menghina dan mentertawakan al-Quran, al-Sunnah dan menghina para ulama. Maka pada keadaan yang seperti ini, terdapat pemisah yang membezakan di antara mereka kecuali jika mereka beriman kepada Allah SWT.

Mereka berkata kepada Tufail: *“Kami beriman kepada Allah.”* Tufail berkata: *“Bersaksilah kalian bahawa tiada Tuhan yang patut disembah melainkan Allah.”* Mereka menjawab: *“Kami bersaksi, bahawa tiada Tuhan Yang patut disembah melainkan Allah.”* Tufail berkata: *“Dan sesungguhnya Nabi Muhammad itu adalah utusan Allah.”* Mereka berkata: *“Sesungguhnya Nabi Muhammad adalah utusan Allah.”* Mereka bersaksi dan beriman serta meninggalkan agama nenek-moyang mereka, mereka masuk agama Islam.

Mereka berkata: *“Kamu memiliki petanda?”* Tufail menjawab: *“Nanti kalau waktu malam sudah tiba, maka aku akan bercerita kepada kalian.”* Setelah waktu malam tiba, maka dia mengangkat tongkatnya sehinggakan tongkat tersebut dapat menyinari gunung Zaharan, dan ketika dia meletakkan tongkat tersebut, maka ia dapat menyinari lembah gunung tersebut. Mereka berkata: *“Kami telah membenarkan kamu sebelum ini. Kami akan pergi bertemu Nabi Muhammad.”*

Maka selepas itu kabilah Daus bertolak menuju Rasulullah SAW, mereka ingin berpindah untuk memperjuangkan agama Allah SWT, mereka berpindah untuk mempersembahkan dan mengorbankan darah mereka bagi memperjuangkan agama Islam. Mereka semua berhijrah menuju ke arah Nabi Muhammad SAW.